



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/2/2011

Tidak menjadikan perang sebagai jalan penyelesaian - Dr. M

Belajar tentang 'perlakuan' Asia

Oleh **METRA SYAHRIL MOHAMED**
metra.mohamed@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Feb - Eropah dan Barat perlu belajar tentang 'perlakuan' Asia yang sejak dahulu lagi tidak menjadikan perang sebagai jalan penyelesaian terhadap konflik antara negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Asia bukanlah bangsa penjajah dan ia cukup berbeza dengan pendekatan Barat khususnya Eropah, yang amat menyukai peperangan.


Menurut beliau, meskipun Empayar Mongol yang diasaskan oleh Genghis Khan pernah memperluaskan empayar sehingga ke Turki, India dan China, mereka masih membenarkan negara itu mengekalkan identiti masing-masing.

"Turki tetap menjadi Turki, India menjadi India dan China dengan identiti termasuk agama mereka. Inilah yang harus dipelajari oleh Eropah dan Barat yang bertindak sebaliknya.

"Kalau kita lihat China pula, mereka memiliki kapasiti yang besar untuk menawan Malaysia (dahulu Tanah Melayu). Tetapi mereka tidak melakukannya.

"Begitu juga dengan Jepun yang akhirnya menyadari bahawa perang bukanlah cara paling bijak untuk menyelesaikan konflik antara negara," katanya.

Dr. Mahathir menyampaikan ucapan bertajuk "Pengajaran Yang Boleh Dipelajari Oleh Eropah dan Barat daripada Negara dan Rakyat Asia" sempena pelancaran majalah Globalia di Muzium Kesenian Islam dekat



TUN Dr. Mahathir Mohamad menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman (MoU) antara pengasas Globalia, Abu Bakr Rieger (kiri) dengan Pengarah Urusan Al-Qafilah International Sdn. Bhd., Dr. Zahimi Chik (kanan) sempena pelancaran majalah Globalia di Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur, semalam.

sini hari ini.

Hadir sama, pengasas Globalia, Abu Bakr Rieger.

Majalah Globalia yang beribu pejabat di Berlin, Jerman bakal memasuki pasaran tempatan menerusi edaran Al-Qafilah International Sdn. Bhd. dan ia menjadi wadah dalam menerangkan tentang dunia Islam secara global.

Mengulas lanjut, Mahathir berka-

ta, ketika Zaman Kegelapan, Eropah cukup bimbang soal ketamadunan dan oleh sebab itu, mereka saling berperang serta mencipta apa sahaja teknologi baru berkenaan peperangan.

"Bagi Eropah, lebih banyak nyawa terkorban, ia dianggap baik. Negara Islam juga tidak terkecuali menjadi sasaran Eropah dalam usaha mereka menjejaskan ketamadunan itu," ujarnya.

Begitupun, kata Dr. Mahathir, semasa zaman penjajahan, Asia tidak terkecuali dalam memperoleh manfaat-manfaat tertentu.

"Contohnya, semasa mereka menjajah negara kita. Saya rasa tidak salah kita belajar daripada orang lain. Kita juga tidak boleh menyetepikan pengaruh Eropah.

"Bermula dengan kedatangan Portugis ke Melaka, kita belajar banyak

perkara baik termasuk soal pengurusan pentadbiran dan ketenteraan," jelas beliau.

Menyentuh mengenai soal kezaliman rejim Israel terhadap Palestin, beliau memberitahu, rakyat Palestin akan terus berjuang mempertahankan kedaulatan tanah air mereka.

"Saya pernah bertanya kepada audiens yang hadir dalam satu majlis di Texas, Amerika Syarikat (AS) mengenai soal pemilikan tanah. Saya bertanya, apakah mereka sanggup memberikan tanah mereka kepada orang Yahudi ini? Tidak ada sebarang yang menjawab pertanyaan saya.

"Sama seperti Palestin. Mereka tidak akan takut mati untuk berjuang demi tanah milik mereka," tegas beliau.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir menggesa umat Islam supaya sentiasa mendalami ilmu dengan membaca kerana menerusi ilmu, ia akan menjadikan Islam kuat serta berkemampuan untuk mempertahankan ummah.

Beliau turut meminta umat Islam menguasai teknologi komunikasi dan menggunakan Twitter serta laman sosial lain bagi menerangkan kepada orang bukan Islam bahawa Islam itu bukan agama menggalakkan keganasan.

"Kita perlu terangkan kepada mereka tentang keindahan Islam. Islam itu cinta kepada keamanan. Ini yang perlu kita tekankan bersama.

"Kalau tidak dapat menjadikan orang bukan Islam itu menukar agamanya kepada Islam, paling kurang, kita dapat memberikan mereka kefahaman tentang Islam," tambahnya. J